



04 JUL, 2025

Malaysia raih potensi pelaburan RM8.13b hasil lawatan PM ke Itali



Berita Harian, Malaysia

Malaysia raih potensi pelaburan RM8.13b hasil lawatan PM ke Itali

Kerjasama dijalin dalam pelbagai bidang jana ekonomi negara

Oleh Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia meraih potensi pelaburan berjumlah RM8.13 bilion dalam beberapa sektor, termasuk petrokimia, jentera dan peralatan, hasil lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Itali, yang berakhir semalam.

Potensi pelaburan itu turut berjaya diraih melalui sektor elektronik dan elektronik (E&E) serta perkhidmatan dan peralatan minyak serta gas.

Potensi ekspor yang dijana pada adalah berjumlah RM425 juta bagi produk oleokimia, suapan biobahan api, aditif makanan terakan dan makanan.

Mesyuarat dua hala itu membabitkan 41 syarikat daripada Itali, dengan 23 daripadanya membabitkan syarikat sektor pembuatan, sembilan perkhidmatan, dua perdagangan, lima agensi kerajaan dan dua pertubuhan industri.

Mengulas hasil lawatan itu, Perdana Menteri berkata, satu perkembangan menarik ialah hasil Itali meningkatkan hubungan dua hala, juga Kesatuan Eropah (EU) dan ASEAN dengan melihat potensi ASEAN sebagai



Anwar bersama Mohamad (kanan) dan Anthony Loke pada sidang media selepas lawatan tiga hari ke Itali, di Rom, semalam.

(Foto BERNAMA)

penggerak utama dalam kegiatan rantau serta ekonomi.

“Seperti kita sedia maklum, beberapa persettuan kerangka dalam merancakkan kegiatan ekonomi dicapai, ada projek bersama di antara PETRONAS dan syarikat Eropah berpangkalan di Itali yang mempunyai kekuatan dari segi biokimia dan pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) iaitu ENI.

“Termeterai perjanjian di antara mereka dan sekarang kita nampak ada syarikat Jepun dan Indonesia, Pertamina mahu bersama. Sebaik sahaja dilancarkan nanti, ia adalah di antara projek terbesar di rantau ini yang membabitkan CCUS dan biokimia,” katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang media bersama wartawan Malaysia ketika mengakhiri lawatan ke Rom semalam. Audio sidang media itu turut dikongsi dengan media tempatan di Kuala Lumpur.

Yang turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu serta Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Lawatan berakhir semalam itu adalah bagi memenuhi undangan Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni.

Pada masa sama, Perdana Men-

teri berkata, kerjasama antara PERODUA dan syarikat Itali, Magna Styer membabitkan bateri kenderaan elektrik (EV) juga dijangka diimeraikan selewat-lewatnya. Disember ini, sekali gus menunjukkan kecenderungan syarikat daripada republik itu yang yakin dengan syarikat negara ini.

Perkuuh bidang pertahanan

Selain itu katanya, kolaborasi dan pelaburan grid elektrik di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan beberapa syarikat termasuk APG dengan tumpuan jana kuasa dari Vietnam ke negara ini melalui Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan Johor ke Singapura yang mencapai maksud kerjasama ASEAN.

“Seperti dijelaskan di Parlimen oleh Menteri Pertahanan, antara

kerjasama kukuh kita dengan Itali adalah dengan keputusan kita untuk membeli dua pesawat Leonardo bagi kegunaan rondaan maritim oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDL).

“Begitu juga 28 helikopter Leonardo AW149, selain perbincangan terperinci menteri pertahanan dan rakan sejawat ditekankan soal latihan pemindahan teknologi dan pemasaran kegiatan latihan serta penerbangan awal di Lapangan Terbang Batu Berendam,” katanya.

Perdana Menteri berkata, selain itu, dalam perbincangan awal bersama Timbalan Perdana Menteri Itali, bukan sahaja menyentuh soal pelaburan, perdagangan dan kerjasama antara EU dan ASEAN selain soal Gaza dan Iran.

Katanya, dalam pertemuan itu, Malaysia menegaskan pendirian untuk menjamin keadilan bagi keganasan Israel ke atas Gaza dan pencerobohan terhadap Iran.

“Pemasaran perbincangan kita adalah kedamaian yang boleh menjamin keselamatan rantau. Dalam pertemuan kemuncak dengan Meloni, tentulah kita menegaskan beberapa projek yang sedang dalam perbincangan umumnya projek besar di antara PETRONAS dan ENI.

“Kita tegaskan juga kepada Perdana Menteri Itali, pandangan mengenai Gaza dan mengucapkan terima kasih atas perstuan mereka dalam kenyataan meminta hentikan serangan ke atas Gaza serta beri laluan ban-tuan kemanusiaan,” katanya.